

15/04/1997

PM dihadiah lagu Getaran Jiwa

GEORGETOWN, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan susunan lagu `Getaran Jiwa' yang digubah khas bagi menghargai kewibawaan beliau selaku pemimpin di peringkat nasional dan antarabangsa.

Lagu ciptaan Seniman Agung, Allayarham Tan Sri P Ramlee itu digubah bersesuaian dengan muzik yang dipersembahkan Orkestra Simfoni Pulau Pinang dipimpin oleh Mark Ostyn pada majlis perasmian Pesta Makanan Antarabangsa Pulau Pinang yang diadakan buat pertama kali di negeri ini, semalam.

Anugerah khas itu disampaikan Ostyn kepada Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebagai mewakili Dr Mahathir yang tidak dapat menghadiri majlis bersejarah itu kerana kurang sihat.

Pesta yang turut disertai lebih 15,000 pengunjung dari dalam dan luar negara ini turut tercatat sebagai pesta makanan jalanan terbesar di negara ini dalam Malaysia Book of Records.

Dr Koh dalam ucapannya, berkata anugerah itu disampaikan khas buat Perdana Menteri sebagai tanda penghargaan rakyat Pulau Pinang di atas sumbangan beliau kepada negara, agama dan bangsa.

"Pemimpin sudah pasti dapat memimpin sesebuah negeri atau negara dengan berkesan jika rakyat bersatupadu dan bekerjasama dan anugerah khas ini mempamerkan keazaman rakyat Pulau Pinang yang sentiasa kukuh untuk membina sebuah negeri yang maju serta mampu mencapai taraf antarabangsa," katanya.

(END)